

17 FEB 2003

TERSERAH PADA PRESIDEN DAN MT TUNDA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata terpulang kepada presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Majlis Tertinggi (MT) Umno untuk menunda Perhimpunan Agung Umno yang dijadualkan pada Jun ini.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata kuasa untuk membuat keputusan itu terletak pada presiden parti serta MT.

"Walaupun perkara itu dibincangkan di Jawatankuasa Pengurusan Umno, ia masih perlu dirujuk pada presiden serta MT untuk diputuskan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Khidmat Negara di Kementerian Pertahanan di sini.

Najib diminta mengulas pandangan Awang Selamat dalam akhbar Mingguan Malaysia yang mencadangkan supaya Perhimpunan Agung Umno pada Jun ini ditunda ke tarikh yang sesuai dengan tarikh persaraan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan presiden parti akhir tahun ini.

Menerusi tulisan bertajuk "Undurlah Dalam Pelukan Umno itu", Awang Selamat berkata, ada pandangan supaya perhimpunan Agung Umno yang dijadualkan Jun ini ditangguh ke Oktober, sebaik sahaja selesai sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Akhbar yang sama hari ini memetik Ketua Penerangan Umno Tan Sri Megat Junid Megat Ayob sebagai berkata Timbalan Presiden parti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengemukakan sendiri cadangan mengkaji semula tarikh perhimpunan agung itu di mesyuarat MT pada 20 Feb ini.

-- BERNAMA

AT KHY PR